

10 APR 1997

KERK: BANDAR RAYA MEC AKAN BANTU JAYAKAN PIP2

PETALING JAYA, 10 April (Bernama) -- Pembangunan Bandara Raya MEC di Gambang, dekat Kuantan yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, akan menyumbangkan dengan jayanya kepada pelaksanaan konsep pembuatan di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua (PIP2).

Timbalan menteri perdagangan antarabangsa dan industri, Kerk Choo Ting hari ini berkata Bandara Raya MEC yang sedang dimajukan oleh Malaysia Electronic Corporation Bhd (MEC), akan menerajui pembangunan produk jenama Malaysia.

Ia akan juga melaksanakan kegiatan pra-pengeluaran seperti penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan kegiatan pasca pengeluaran seperti logistik, pemasaran dan penjualan.

"Saya juga yakin Bandar Raya MEC yang akan menempatkan beribu-ribu syarikat kecil dan sederhana (IKS) membuat peralatan elektrik, akan membentuk dirinya sendiri sebagai pusat kelompok peralatan elektrik terkemuka di Malaysia," tambahannya.

Kerk berkata demikian ketika melancarkan taklimat MEC mengenai Program Rangkaian Perindustrian (ILP) kepada industri kecil dan sederhana di sini.

ILP yang dimajukan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) ialah program pembangunan berdasarkan kelompok selari dengan Pelan Malaysia dan PIP2.

Menerusi ILP, IKS tempatan akan digalakkan lagi dan dipupuk menjadi pembuat dan pembekal komponen serta perkhidmatan yang boleh diharapkan kepada syarikat-syarikat yang lebih besar yang bergiat dalam sektor pembuatan.

Menurut Kerk, sungguhpun industri elektrik dan elektronik Malaysia mencapai kejayaan yang membanggakan, peranan syarikat tempatan adalah terhad kepada proses asas dan pemasangan konvensional.

Reka bentuk R&D tempatan dan prototaip, pembangunan produk, logistik pengedaran, jualan, pemasaran dan produk jenama tempatan belum lagi mencapai tahap yang diharapkan, tambahnya.

Pasaran tempatan masih lagi dibanjiri dengan produk jenama asing, sama ada dipasang di dalam negeri ataupun diimport, manakala dari segi komponen dan bahan mentah, atau input untuk pengeluaran pula, kebanyakannya masih diimport.

Katanya pengeluaran industri elektrik dan elektronik pada 1996 bernilai RM84.1 bilion. Bagaimanapun, nilai import masih tinggi pada anggaran sebanyak RM87.5 bilion sungguhpun Malaysia menikmati lebih sedikit dengan lebih eksport dianggarkan sebanyak RM90 bilion.

"Malaysia kini merupakan pengeksport terbesar di dunia bagi pendingin udara bilik dan salah satu daripada pengeksport utama separa konduktor, peti televisyen, keluaran audio dan perakam kaset video," tambahannya.

Kerk berkata SMIDEC akan menawarkan pakej bantuan seperti Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian (ITAF), dan pinjaman bersyarat longgar untuk skim pemodenan dan automasi bagi IKS.

Insentif itu termasuklah geran bagi pembangunan teknologi dan pemilikan teknologi serta kemahiran dan program pembangunan eksport.

Di bawah ILP, status perintis selama lima tahun dengan pengecualian cukai penuh akan diberikan kepada syarikat IKS yang mengeluarkan produk perantaraan dan perkhidmatan berkaitan yang dikenal pasti dan dipilih untuk program itu dan diwartakan di bawah senarai yang digalakkan di bawah Akta

Pelaburan Penggalakan, 1986.

Kerk menggesa IKS supaya mendaftarkan diri dengan SMIDEC agar mereka boleh mendapatkan maklumat mutakhir tentang program yang digalakkan SMIDEC di samping menyertai ILP. -- BERNAMA

RIZ MA/sia